



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PAHANG**  
Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000  
Faks : 609-516 4931  
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600.15/2/4 Jld 2 (43)  
15 Ogos 2024

Tarikh :

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran  
(Seperti Di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 2.4.4 Lampiran F: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekutuan Elektronik Sepenuhnya (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan Julai 2024 seperti di Lampiran A. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang sehingga bulan Julai 2024.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri). Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

- |     |                                  |            |
|-----|----------------------------------|------------|
| i)  | Puan Nur Nizaha binti Khalid     | 09-5915029 |
| ii) | Puan Norhasmida binti Mohd Yusof | 09-5915022 |

Sekian terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah

(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang